

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XIV)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

6. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membantu tempat-tempat pekerjaan golongan OKU yang sedia ada supaya elaun mereka tidak terjejas?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) mendapat kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek termasuk peluang pekerjaan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mengimplimentasi kemudahan akses dalam merealisasikan Pulau Pinang sebagai negeri yang mesra golongan OKU dengan mengambil kira pelbagai aspek supaya selaras dengan piawaian Malaysia Standard MS 1183, MS 1184 dan MS 1331. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyaran majikan supaya memastikan premis pekerjaan lebih mesra OKU dengan menyediakan aksesibiliti bagi membolehkan OKU masuk dan keluar bangunan.

Setakat ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai program atau bantuan khusus kepada tempat-tempat pekerjaan golongan OKU. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan sentiasa menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan OKU melalui beberapa program antaranya program *job coach*, karnival pekerjaan OKU dan pusat rehabilitasi komuniti atau lebih dikenali Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).